



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

16 November 2016

Rabu

Untuk Siaran Segera

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENERUS JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MENGENAI LAPORAN PAC
PENGURUSAN PEROLEHAN PERABOT BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEMULA KEM
BATALION 5, PASUKAN GERAKAN AM, SIMPANG RENGAM, JOHOR DI BAWAH
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN).**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 di Dewan Rakyat pada 6 April 2015.
- 2) PAC Parlimen memulakan prosiding Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor di bawah Kementerian Dalam Negeri pada 11 Jun 2015 dengan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Alwi Ibrahim dan Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Zulkifli Abdullah memberikan penjelasan berhubung isu-isu dalam projek berkenaan di hadapan Jawatankuasa ini.
- 3) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen meneliti isu-isu berikut:
 - a) Bayaran dibuat sebelum perabot dibekalkan berlaku *Improper Payment*.

- b) Dokumen palsu bagi tujuan penyelesaian pembayaran;
 - c) Perancangan perolehan perabot kurang teliti di mana bangunan masih belum mencapai peratusan siap yang mewajarkan perolehan perabot dibuat;
 - d) Sebut harga tidak dipelawa daripada kontraktor tempatan di mana syarikat yang ditawarkan sebut harga adalah daripada syarikat yang beralamat di Bangi, Selangor; Shah Alam, Selangor dan Kuala Terengganu, Terengganu;
 - e) Perolehan perabot tidak dibuat melalui kontrak pusat sistem panel dan kebenaran Perbendaharaan Malaysia tidak diperoleh terlebih dahulu;
 - f) Spesifikasi khusus tidak ditentukan semasa tawaran sebut harga menyebabkan pengesahan barangan tidak dapat dilakukan bagi memastikan barang yang diterima mengikut keperluan pembelian; dan
 - g) peralatan belum dipasang/diuji dengan sempurna kerana bangunan masih belum siap dibina.
- 4) Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat **RUMUSAN** terhadap Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti berikut:
- a) Bersetuju dengan penambahbaikan yang dibuat KDN bagi memantapkan pengurusan perolehan PDRM.
 - b) Mahu pengurusan perolehan KDN / PDRM dilaksanakan dengan lebih teliti secara teratur dan cekap serta mendapat *best value for money* bagi setiap ringgit yang dibelanjakan

- c) Mahu KDN dan PDRM memperketatkan kawalan perolehan bagi mengelakkan berlaku lagi penyelewengan yang timbul daripada pembelian perabot Batalian 5, PGA Simpang Renggam, Johor.
- 5) Berikutan itu, PAC Parlimen memberikan **SYOR** kepada Kerajaan seperti berikut:
- a) KDN dan PDRM perlu membuat perancangan perolehan perabot dengan lebih teliti terutamanya bagi projek pembinaan di bawah PBLT memandangkan kos perabot tidak termasuk di dalam skop perjanjian;
 - b) Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi PDRM, Bukit Aman perlu melaksanakan pemantauan lebih rapi ke atas semua perolehan yang dilaksanakan oleh PTJ untuk memastikan perolehan dibuat mengikut tatacara perolehan ditetapkan;
 - c) KDN/PDRM perlu mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam pengurusan perolehan ini yang menyebabkan berlakunya *improper payment*. Perancangan dan pemeriksaan yang teliti perlu dibuat oleh KDN/PDRM sebelum meluluskan sebarang peruntukan untuk perolehan supaya tidak berlaku keadaan di mana peralatan/perabot telah diperolehi tetapi masih tidak dapat digunakan kerana bangunan/pejabat belum siap dibina.
 - d) Maklumat peralatan/perabot seperti bilangan kuantiti dan spesifikasi yang diperolehi perlu dikemukakan kepada pejabat yang menerima untuk memastikan peralatan/perabot yang dibekalkan adalah selaras dengan syarat dalam kontrak.

- e) Pegawai yang diberi kuasa mengesahkan penerimaan barang hendaklah memastikan barang yang disahkan diterima sebenarnya telah diterima.
 - f) Kerajaan perlu memastikan perolehan dari kontraktor tempatan perlu diutamakan.
- 6) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor di bawah Kementerian Dalam Negeri boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia